

SH 4/12/19 M/S 18

Penekanan STEM, TVET mantapkan sumber tenaga

KUALA LUMPUR - Malaysia kini mengikut jejak langkah negara maju seperti Jepun, Jerman dan Amerika Syarikat dalam memberi penekanan kepada pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), selain Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah menjadikan STEM dan TVET sebagai agenda utama pendidikan negara bertujuan bagi melahirkan lebih ramai individu yang mahir dalam profesion teknikal.

"Kita juga tidak ketinggalan dalam memastikan STEM dan TVET diutamakan dengan statistik terkini menunjukkan sebanyak 44 peratus pelajar di Malaysia menjadikan bidang STEM sebagai pilihan mereka.

"Kerajaan menyasarkan peratusan itu ditingkatkan kepada 60 peratus pada masa akan datang," katanya ketika merasmikan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019 menerusi rakaman video di sini semalam.

Dr Mahathir menegaskan bahawa perkembangan global terkini khususnya Revolusi Industri 4.0 atau IR4.0 berpaksikan kepada teknologi terkini menyasarkan kewujudan persekitaran industri, ekonomi dan kehidupan lebih pantas, pintar dan dinamik.

Sehubungan itu, beliau berkata, negara perlu memastikan pekerja dalam bidang teknikal dilengkapi kemahiran terkini secara *upgrade* dan *upscaling* berdasarkan perkembangan teknologi dan keperluan industri masa hadapan.

"Usaha bersama kita ini dapat memastikan kebergantungan terhadap tenaga kerja asing dalam bidang teknikal dapat dikawal dan dikurangkan.

"Kita tiada pilihan melainkan berusaha dengan lebih agresif untuk memartabat dan mengiktiraf profesion teknikal ke tahap lebih tinggi," kata Dr Mahathir. - *Bernama*